

11 AUG 1998

Anwar-Sokong

ANWAR ULANGI PENDIRIAN TIDAK TENTANG DR MAHATHIR TAHUN DEPAN

PULAU PINANG, 11 Ogos (Bernama) -- Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini mengulangi pendiriannya tidak akan bertanding bagi jawatan Presiden Umno pada pemilihan parti itu tahun depan.

Ketika berucap sebelum Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merasmikan Menara Umno Negeri di sini, Anwar yang juga Pengerusi Perhubungan Umno Pulau Pinang berkata semua Umno bahagian di negeri ini akan mencalonkan Dr Mahathir untuk mengekalkan jawatan itu.

"Desas-desus kononnya akan terdapat pertandingan bagi jawatan Presiden Umno pada tahun depan adalah tidak berasas dan tidak munasabah sama-sekali," katanya.

Anwar berkata beliau menggunakan peluang itu untuk mematikan desas-desus itu dan sekiranya wujud lagi ia memang diada-adakan oleh orang yang berniat jahat untuk melaga-lagakan mereka.

"Saya berjuang bersama-sama dalam parti dan saya terhutang budi kepada Dr Mahathir dan saya nak tunjukkan ketaatan saya kepada Dr Mahathir," katanya.

Anwar berkata pendirian itu bukanlah perkara baru malah diulanginya pada setiap tahun semasa perhimpunan agung parti tetapi desas-desus masih timbul.

"Dr Mahathir sendiri tahu pandangan kita dalam mesyuarat kadang-kadang ada perbezaan tetapi kita anggap mustahil hal-hal ini boleh timbulkan pecah-belah," kata Anwar.

Timbalan Perdana Menteri berkata: "Dr Mahathir bukan pemimpin baru, pengalamannya banyak... sepak terajangnya pun cukup luar biasa. Kalau nak banding saya dengan dia, saya sebagai pelajar sahaja.

"Jadi saya tahu... nak lawan guru tak boleh, apa lagi nak lawan pak," kata Anwar.

Beliau juga secara berseloroh berpesan kepada bahagian-bahagian Umno di Pulau Pinang bahawa ketika mencalonkan Dr Mahathir sebagai Presiden, mereka jangan pula lupa untuk mencalonkannya sebagai Timbalan Presiden pada pemilihan tahun depan.

Anwar berkata atas nama Badan Perhubungan Umno Negeri dan sekiranya boleh, Barisan Nasional Negeri dan rakyat Pulau Pinang, semuanya berdiri teguh di belakang Perdana Menteri untuk mengatasi masalah ekonomi sekarang.

Dr Mahathir ketika berucap merasmikan menara itu kemudian, mengucapkan terima kasih kepada Anwar yang membuat kenyataan bahawa semua Umno bahagian di Pulau Pinang akan mencalonkan beliau (Dr Mahathir) sebagai presiden.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata bahagian-bahagian itu jangan pula lupa untuk mencalonkan Anwar sebagai timbalan presiden.

"Jangan calon sahaja tetapi undi juga," katanya.

-- BERNAMA

JM AHM NAK